

IYC mantapkan
pelatih belia
dengan seminar antarabangsa

TIDAK mahu jadi katak bawah tempurung dan berusaha mempelbagaikan program bertaraf antarabangsa, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) meneruskan penganjuran seminar belia di kalangan warga tempatan dan luar negara untuk tahun ketiga berturut-turut.

Seminar yang bertajuk *A Course Cum Workshop for Up-And-Coming Trainers On Imparting Noble Values* tersebut adalah merupakan kerjasama IYC dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program selama seminggu itu bertujuan memberi pendedahan sebenar kepada golongan belia untuk menjadi pelatih di masa depan, selain mampu mendidik mereka untuk mengendalikan program bermanfaat di negara masing-masing.

Sebanyak 15 buah negara telah menghantar wakil belia untuk menyertai seminar antarabangsa tersebut yang diadakan di IYC, Cheras, Kuala Lumpur.

Antara negara luar itu ialah Indonesia, Bangladesh, Singapura, Filipina, Thailand, Kemboja, India, Pakistan, Yaman, Nigeria, Sudan, Iraq, Jordan, Sri Lanka serati Maldives.

Program yang telah berlan-

gsung sejak 2006 itu merupakan aktiviti khas yang direka untuk membangunkan belia, di samping memberi tunjuk ajar kepada pelatih muda berhubung nilai murni dalam mengendalikan golongan belia.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mohd. Yasin Mohd. Salleh berkata, seminar anjuran IYC itu merupakan satu langkah positif dalam membentuk tenaga kerja belia yang mantap.

Katanya, selain dapat mengeratkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara luar, ia juga tindakan bijak untuk membolehkan pertumbuhan belia negara yang terlibat dengan seminar tersebut untuk mempelajari teknik yang digunakan oleh golongan belia luar negara.

“Program seumpama ini memberi peluang kepada pertumbuhan belia negara untuk berkongsi pengalaman dan teknik mendekati golongan belia seperti yang digunakan oleh negara maju lain.

“Selain itu, ia turut membolehkan pertumbuhan belia negara menjalin hubungan erat dan mempunyai jalinan kerja dengan negara yang hadir,”

katanya selepas merasmikan seminar tersebut baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Datuk Raja Ruslan Raja Samah.

Jelas Mohd. Yasin, seminar itu juga bertujuan membincangkan isu pembangunan nilai-nilai murni dalam usaha melahirkan belia yang bertamadun.

Tambahnya, pada masa yang sama, ia juga membolehkan para peserta membentangkan idea masing-masing, serta bertukar pendapat dalam kalangan pelatih untuk mencari resolusi memperkasakan jati diri belia.

Katanya, seminar tersebut akan dikelolakan oleh dua panel yang berpengalaman luas dalam pembangunan belia iaitu daripada UPM dan Pusat Belia Antarabangsa yang berpengalaman luas dalam mengendalikan program-program pembangunan belia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bengkel tersebut juga akan membincangkan mengenai hal-hal semasa berkait dengan belia.

“Antaranya topik yang akan dikupas ialah proses dalam pembangunan modul, panduan menjadi jurulatih yang efektif, teknik dalam latihan serta menganalisis keberkesanan

latihan," katanya.

Mohd. Yasin berkata, program seumpama itu turut memberi peluang kepada semua pihak untuk memahami budaya belia di negara masing-masing dan mengambil pendekatan terbaik

untuk merapati golongan tunjang negara.

Sehubungan itu katanya, KBS berharap seminar itu akan dapat diteruskan pada masa depan dan menjadi acara tahunan kepada IYC.



MOHD. Yasin Mohd. Salleh (dua dari kiri) berkata sesuatu kepada peserta seminar sambil diperhatikan Raja Ruslan Raja Samah (kiri) di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



RAMAI MUDA KE SUKSES



MALAY ENGLISH

PIAGAM PELANGGAN

INFO KORPORAT

- [Kementerian](#)
- [Sejarah](#)
- [Pengurusan Tertinggi](#)
- [Carta Organisasi](#)
- [Jabatan/Bahagian](#)

INTERAKTIF KBS

- [Kursus & Latihan](#)
- [Pepersiksaan](#)
- [Web Mail](#)
- [Informasi](#)
- [Ucapan Menteri](#)
- [Perpustakaan KBS](#)
- [AKRAM KBS](#)

Galeri

>> Cari

Sedikit Maklumat Mengenai KBS



YOUTH FORUM

Web Forum Video Audio

(200)



- [Laman Utama](#)
- [Sokongan Lazim](#)
- [Maklumat Bilas / Aduan](#)
- [Direktori Staf](#)
- [Peta Laman](#)

**SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU
MUDA NEGARA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Tarikh Hari ini
04/02/2009



Aktiviti Semasa

- 08/02/2009
Majlis Perasmian Rmwd (Bela Sempadan) Lokasi: Kg Padang Pusing Pengang,Keang
- 08/02/2009
Majlis Perasmian Pusat Sibar Di Kompleks Rakan Muda Lokasi: KRIF Seberang Perai Selatan,P.Pinang
- 08/02/2009
Majlis Perasmian Pusat Sibar Rakan Muda Pengang Lokasi: Pusat Kegiatan Rakan Muda Pengang,Keang

Informasi Dan Perkhidmatan

- Kemudahan**
Kompleks Sukan, Gimnasium Kompleks Rakan Muda >>
- Sistem 'ONLINE'**
Sistem e-Tempehan, Permohonan /RSU >>
- Pusat Latihan**
Inst. Kemahiran Belia Negara Inst. Kemahiran Tinggi Belia Negara >>
- Huat Turun Borang**
Pendaftaran Badan Sukan, Taung Ekoranon Belia >>
- Iklan Tawaran**
Pergerakan, Permohonan, Tender >>
- Direktori Agensi**
Majlis Sukan Negara, Alamat Dihubungi >>

Berita

1 | 2 | 3 | Arkib



KBS LANCAR TABUNG KEJAJHUSTAAH BELI RAKYAT PALESTIN
Putrajaya, 20 Jan – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) melancarkan Tabung Kemudahan RM1 Rakyat Palestin yang diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Datu Seri Ismail Sabri b. Yaakob di sini hari ini. Objektif Tabung Kemudahan RM1 Ra... >> Seterusnya

Maklumat Terkini Pelawat

- MB >> selanjutnya
- Pertandingan Mencipta Logo Dan Tema Sambutan Hari Dan Minggu Belia Negara Tahun 2009. Klik >> selanjutnya
- Senarai Kursus Anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Bagi Bulan Februari 2009. Klik >> selanjutnya

Hyperangkai .my

myGovernment

-
-
-
-
-
-

Adakah anda berpuas hati dengan paparan portal ini ?

- Sangat Puas Hati
- Puas Hati
- Sederhana
- Tidak

Panai Pengamat Sukan | Pendaftaran Peristiwa Belia Pejabat Pesarutubuya Sukan | Pendaftaran KBS



Dasar Keselamatan | Dasar Privasi | Pincang
 Kementerian Belia dan Sukan, Kompleks KBS, 16-17 Persiaran Perdana, Presint 8, 62250 Putrajaya
 Tel: 601-8721 2000 Fax: 603-889 8700
 Halaman Tersebutlah 2007: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
 Dapatkan maklumat terkini mengenai KBS di laman web kami
 Untuk maklumat lanjut, klik sini di alamat: www.kbs.gov.my